

D739

U B112 DEB
MAHATHIR R R R

(I)

KUALA LUMPUR, 5 MEI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYARANKAN PENUBUHAN SEBUAH SURUHANJAYA BEBAS MENGENAI KERJASAMA SELATAN-SELATAN.

KATANYA, SURUHANJAYA SEMENTARA ITU AKAN MELAPORKAN KEPADA KUMPULAN 77 (G77) MENGENAI CADANGAN-CADANGAN TERTENTU UNTUK MELAKSANAKAN KERJASAMA SELATAN-SELATAN DENGAN BERKESAN.

SEMASA MERASMIKAN PERSIDANGAN KEMUNCAK KEDUA SELATAN-SELATAN DI SINI, PERDANA MENTERI JUGA MENGESYORKAN AGAR PROGRAM TINDAKAN CARACAS, YANG DILULUSKAN PADA SATU MESYUARAT TERTINGGI G77 PADA TAHUN 1981, DIJADIKAN RANGKA KERJA ASAS BAGI MENGGALAKKAN KERJASAMA EKONOMI.

SAMBIL MENYIFATKANNYA SEBAGAI PUSAT SEGALA USAHA NEGARA-NEGARA SELATAN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA: +MALANGNYA TIDAK BANYAK MANFAAT DIPEROLEHI OLEH NEGARA-NEGARA ANGGOTA DARIPADA PROGRAM ITU.+

SALAH SATU BIDANG DALAM PROGRAM CARACAS YANG DIHARAPKAN MENDATANGKAN HASIL IALAH USAHA MEWUJUDKAN SISTEM KEUTAMAN PERDAGANGAN AM (GSTP) DALAM RANGKA KERJA ITU BAGI MEMBOLEHKAN MEREKA MENGURANGKAN BEBAN, SEKALI GUS MEMUDAHKAN PENGALIRAN PERDAGANGAN DI SELATAN. -- LAGI.

1401MST 05 05 86

D751

U B115 DEB

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

(I)

+RUNDINGAN-RUNDINGAN MENGENAI GSTP SEDANG BERJALAN DAN SAYA YAKIN KITA SEMUA INGIN MELIHAT IA BERJALAN LANCAR,+ KATA PERDANA MENTERI.

DLM UCAPANNYA, DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG TERKENAL KERANA SIKAP BERTERUS TERANG DAN PENDEKATAN TERPERINCI LAGI MENDALAM MENGENAI SESUATU ISU, MENEGASKAN BAHAWA HUBUNGAN DUA HALA ATAU KERJASAMA KUMPULAN MERUPAKAN SESUATU YANG DAPAT DILAKSANAKAN.

IA PASTI MENARIK, JIKA KESEMUA BERATUS-RATUS NEGARA DI SELATAN DAPAT BERSATU DAN SALING BEKERJASAMA, +TETAPI HAKIKATNYA IALAH IA HANYA BOLEH BERLAKU DALAM MIMPI.+

SATU LAGI USAHA BERSAMA YANG MENGECEWAKAN YANG DISEBUT OLEH PERDANA MENTERI IALAH PENGISYTIHARAN MENGENAI SEMANGAT BERDIKARI SECARA KOLEKTIF YANG DIPERSETUJUI PADA PERSIDANGAN KEMUNCAK NEGARA-NEGARA BERKECUALI DI NEW DELHI PADA TAHUN 1983.

MENURUT PENGISYTIHARAN ITU, PARA PEMIMPIN NEGARA-NEGARA SELATAN BERIKRAR UNTUK MENGUKUHKAN KERJASAMA SELATAN-SELATAN MENGIKUT KEUTAMAAN DAN MEREKA JUGA MENERIMA PROGRAM TINDAKAN YANG MENYELURUH UNTUK MEMBERI FAEDAH KEPADA NEGARA-NEGARA ANGGOTA MELALUI USAHA BERSAMA DALAM SEKTOR-SEKTOR YANG BERLAINAN. -- LAGI.

1436MST 05 05 86

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

(I)

BELIAU BERKATA, PARA PEMIMPIN PERGERAKAN NEGARA-NEGARA BERKECUALI (NAM) HARUS BERSEDIA MENGAKUI BAHAWA PENGISYTIHARAN DELHI MENGENAI BERDIKARI SECARA BERSAMA HANYA MERUPAKAN IKRAR KOSONG.

+PENCAPAIAN BERSAMA KITA MENGECEWAKAN,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, PROGRAM SELATAN-SELATAN NAM DAN PROGRAM G77 PERLU DISELARASKAN KERANA MEMANDANGKAN KEDUA-DUANYA MEMPUNYAI MATLAMAT YANG SAMA.

SEMUA ANGGOTA NAM, TANPA PENGECEUALIAN, MERUPAKAN ANGGOTA G77.

PERDANA MENTERI MENCADANGKAN SESEBUAH JENTERA DAN PROGRAM INSTITUSI BERSEDIA MEMBERI PERKHIDMATAN KEPADA ANGGOTA LAIN DAN MENGADAKAN PROGRAM-PROGRAM BERSAMA UNTUK KEDUA-DUA BADAN BERKENAAN.

+KITA TIDAK MEMERLUKAN SEBUAH LAGI PERTUBUHAN. YANG DIPERLUKAN IALAH PENGIKTIRAFAN BAHAWA JIKA KITA TIDAK MEMBANTU MEMPERKUKUHKAN DIRI MASING-MASING, KITA TIDAK AKAN MENDAPAT LAYANAN SEMPURNA DARIPADA UTARA,+ KATANYA.

+TETAPI TERLALU BANYAK NEGARA DENGAN PELBAGAI KEPENTINGAN TIDAK BOLEH BERSATU DAN +KITA PERLU MENERIMA HAKIKAT INI DAN MELAKUKAN SESUATU YANG LAIN,+ KATA PERDANA MENTERI SAMBIL MENJELASKAN BAHAWA +KITA BOLEH BEKERJASAMA SECARA DUA HALA ATAU SERANTAU SELAGI RAKAN-RAKAN KITA ITU BERASAL DARI SELATAN. -- LAGI.

1512MST 05 05 86

U B132 DEB

MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

BELIAU MENGAKUI IA BUKAN SUATU YANG DAPAT DICAPAI DENGAN SEKELIP MATA BEGITU JUGA HASIL KERJASAMA TIDAK AKAN DAPAT DILIHAT SERTA MERTA TETAPI APA JUGA HUBUNGAN DI KALANGAN NEGARA-NEGARA SELATAN MESTI MEMBAWA KEPADA MEMPERKUKUHKAN KEDUDUKAN MEREKA.

KATANYA TUJUH NEGARA PERINDUSTRIAN DARI UTARA SEDANG BERMESYUARAT DI TOKYO DAN PERBINCANGAN SERTA KEPUTUSAN MEREKA AKAN MENDATANGKAN KESAN YANG BESAR KEPADA EKONOMI DUNIA.

+BAGAIMANAPUN, KITA DI SELATAN INI, YANG KEHIDUPAN KITA AKAN TERLIBAT DENGAN KEPUTUSAN-KEPUTUSAN PERSIDANGAN KEMUNCAK ITU TIDAK MEMPUNYAI SUARA LANGSUNG DALAM PERBINCANGAN-PERBINCANGAN ITU,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENCADANGKAN SEORANG MENTERI DARIPADA SETIAP NEGARA DIBERI TANGGUNGJAWAB MENGENAI KERJASAMA SELATAN-SELATAN BAGI MEMBOLEHKANNYA MENGAWASI ORIENTASI KERAJAANNYA KEPADA PROGRAM-PROGRAM ITU DAN MENENTUKAN TINDAKAN SUSULAN DIAMBIL.

MENGENAI PERSIDANGAN KEMUNCAK ITU, PERDANA MENTERI BERKATA IA PERLU MENGGARISI LANGKAH-LANGKAH YANG PERLU DIAMBIL BAGI MELAKSANAKAN PELBAGAI PROGRAM KERANA IA TIDAK BOLEH MAJU SEHINGGA DAN KECUALI NEGARA-NEGARA ITU MENETAPKAN BEBERAPA MATLAMAT MEREKA. -- LAGI.

1536MST 05 05 86

MAHATHIR 5 KUALA LUMPUR

(I)

+APA YANG KITA PERLUKAN DARIPADA PERSIDANGAN INI IALAH BEBERAPA IDE DAN CADANGAN UNTUK MEMBERI KEWIBAWAAN KEPADA KERJASAMA SELATAN-SELATAN. KITA PERLU Mencari JALAN MENGGERAKKAN SEKTOR SWASTA DI NEGARA-NEGARA SELATAN BAGI MEMBOLEHKAN MEREKA BERTINDAK SATU SAMA LAIN,+ KATANYA.

BELIAU BERHARAP KERJASAMA ANTARA YAYASAN DUNIA KETIGA DAN INSTITUT KAJIAN STRATEGIK DAN ANTARABANGSA, YANG MERUPAKAN PENGANJUR BERSAMA PERSIDANGAN KEMUNCAK ITU, MENGHASILKAN SATU RANGKAIAN INSTITUT-INSTITUT PENYELIDIKAN DUNIA KETIGA BAGI MENJALANKAN PENYELIDIKAN BERSAMA BERHUBUNG DENGAN KERJASAMA SELATAN-SELATAN.

+KITA PERLU MENGELUARKAN SEGALA PENGALAMAN DAN SUMBER YANG ADA UNTUK TUGAS PENTING INI,+ TEGAS BELIAU.

PERSIDANGAN KEMUNCAK SELAMA EMPAT HARI ITU DIHADIRI OLEH KIRA-KIRA 80 PESERTA DARI 31 NEGARA TERMASUK MALAYSIA. -- BERNAMA

1538MST 05 05 86